

KPDNHEP Selangor dekati pelajar



KPDNHEP Selangor bergambar bersama guru dan murid Sekolah Kebangsaan Bangi. FOTO ihsan KPDNHEP Selangor

Khairul Najib Asarulah Khan

khairul.najib@nstp.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menjalankan program kepenggunaan di sekolah dalam mendidik pelajar menjadi pengguna bijak.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, kuasa membeli dalam kalangan pelajar semakin besar terutama di luar waktu persekolahan.

Katanya, pihaknya berharap program itu mampu memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai hak kepenggunaan.

"Generasi muda termasuk pelajar perlu mengetahui hak membuat pilihan, mendapatkan ganti rugi dan maklumat diperlukan jika terpedaya.

"Pendedahan ini juga sejajar dengan perkembangan teknologi kerana mereka mungkin lebih gemar membeli secara dalam talian sekali gus terdedah kepada penipuan," katanya selepas Program Kepenggunaan KPDNHEP Cawangan Kajang di Sekolah Kebangsaan Bangi, semalam.

Muhamad Zikril berkata, program bermula jam 8 pagi sehingga 12 tengah hari itu membabitkan 40 pegawai dan penguat kuasa KPDNHEP.

Katanya, selain memberi maklumat berkaitan KPDNHEP, kita juga menjalankan aktiviti seperti aktiviti mencari harta karun, mewarna dan teka-teki.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 5 November 2019 @ 7:31 PM